



PASUKAN Pemeriksaan Kesehatan Bergerak NKF LifeCheck menjalankan ujian air kencing, gula dan kolesterol orang awam.

## Yayasan Buah Pinggang anjur hari kesihatan

**P**ETALING JAYA: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF), organisasi dialisis bukan kerajaan yang pertama dan terbesar dari segi jumlah bilangan pesakit mengadakan Hari Kesihatan Komuniti NKF di Sungai Way Old Folks Home di sini, baru-baru ini.

Pemeriksaan kesihatan dan ceramah penjagaan buah pinggang kepada orang awam dilakukan pasukan Pemeriksaan Kesehatan Bergerak NKF LifeCheck termasuk pemeriksaan tekanan darah, ujian air kencing, gula, kolesterol, indeks jisim tubuh, ukur lilit pinggang dan kaunseling kepada orang awam.

Pegawai Perhubungan Awam NKF, Darshini Ganeson, berkata setiap tahun, lebih daripada 4,000 kes baru penyakit kegagalan ginjal dikenal pasti di negara ini sebagai punca utama adalah

**“Hari Kesihatan Komuniti NKF diadakan bagi menekankan pengesanan awal dan pencegahan menyelamatkan nyawa terutama mereka yang berisiko tinggi mendapat penyakit buah pinggang, seperti pesakit diabetes”**

**Darshini Ganeson**  
Pegawai Perhubungan Awam NKF

diabetes dan tekanan darah tinggi.

“Pencegahan melalui pemeriksaan dan pendidikan cara mencegah penyakit buah pinggang adalah satu-satunya langkah mengurangkan pertambahan pesakit dialisis baru dari tahun ke tahun disebabkan penyakit buah pinggang tidak dapat diubati.

“Hari Kesihatan Komuniti NKF diadakan bagi menekankan pengesanan awal dan pencegahan menyelamatkan nyawa terutama mereka yang berisiko tinggi mendapat penyakit buah pinggang, seperti pesakit diabetes, tekanan darah tinggi atau mempunyai sejarah keluarga diabetes,” katanya.

Maklumat lanjut mengenai penyakit buah pinggang, sila hubungi NKF di talian hangat 1300888110 sepanjang masa bermula Isnin hingga Jumaat.



PASUKAN pemeriksaan Kesehatan Bergerak NKF LifeCheck membuat pemeriksaan kesihatan orang awam.